

PROPOSAL BAKAT MUDA SEZAMAN 2023

OLEH :

ENGKU ERFAN ENGKU YUNUS
HAZIQ LUQMAN RAMLAN
WAN NUR AQMAR ZULKIFLI
SITI ZAHIRAH MOHD SABRI

TAJUK:

FARDU

ISI KANDUNGAN

- 1) BIOGRAFI ARTIS
- 2) PENDAHULUAN
- 3) OBJEKTIF
- 4) TINJAUAN TEORI
- 5) SKETCHES (IDEA)
- 6) DESKRIPSI KARYA
- 7) DESKRIPSI PAMERAN
- 8) LOKASI PAMERAN
- 9) MANUAL PEMASANGAN
- 10) ARTIST RUJUKAN

1) BIOGRAFI ARTIS

Engku Erfan Ekwanuddin



Dilahirkan pada 2 Mac 1999, Engku Erfan Ekwanuddin dibesarkan di Kuala Krai, Kelantan, Malaysia. Pengkarya menamatkan program Asasi Seni Kreatif pada tahun 2018 dan meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Visual dengan Kepujian (2019) di Akedemi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Pengkarya mula meminati bidang seni halus sejak di bangku sekolah rendah dan mula menonjolkan bakatnya pada tahun 2020. Beliau pernah melibatkan diri dengan beberapa acara di antaranya pameran Covixent Journals, PuisiDia, Virtual Art FSH dan International Camp Gulum + ism Art Exhibition yang diadakan di Tasik Chini.

Wan Nur Aqmar Zulkifli



Wan Nur Aqmar Binti Zulkifli dilahirkan pada 9 Oktober 1996 di Kluang, Johor dan dibesarkan di Batu Gajah, Perak. Beliau memperolehi pendidikan awal di peringkat

diploma dalam bidang Seni Kraf Batik di Institut Kraf Negara, Rawang pada tahun 2017. Alumni ASWARA dari program Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Visual (Dengan Kepujian). Beliau yang bergiat aktif menyertai beberapa pameran dan pertandingan di peringkat dalam dan luar negara, sentiasa mengamalkan cara kerja dan berfikir secara kreatif serta sentiasa mencabar diri dengan hasil karya kreatif dalam pelbagai bentuk dan medium. Antara pertandingan yang pernah disertai adalah Piala Seri Endon (2016), Muzik Gamelan Melayu peringkat Antarabangsa (2015) dan beberapa pertandingan seni lainnya. Beliau kini cuba menceburkan diri dalam bidang kuratorial dan sedang mengasah bakat dalam bidang penulisan dengan mengikuti beberapa program dan bengkel penulisan anjuran *Cendana Art Writing Mentorship Programme 2021/2022*.

Haziq Luqman



Muhammad Haziq Luqman atau lebih dikenali sebagai Bojut adalah merupakan salah seorang pelajar di Fakulti Seni Halus, ASWARA dalam program Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Visual (Dengan Kepujian). Sebelum ini, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Komunikasi Media Baharu di UiTM, Melaka, seterusnya mengambil keputusan mengikut program Asasi di ASWARA. Beliau dilahirkan pada tahun 8 Mei 1996 dan telah memilih bidang seni lukis dan seni reka sebagai impian utama sejak beliau mula berkecimpung dalam dunia seni di ASWARA. Oleh kerana minatnya terhadap lukisan dan hasil kreatif, beliau telah mempelajari seni dengan lebih mendalam dengan menghasilkan karya-karya berbentuk eksperimentasi digital dan video dokumentasi. Beliau juga mahir dalam pelbagai bidang penerbitan dan penyelidikan filem.

Siti Zahirah



Dilahirkan pada tahun 2001, Kota Tinggi ,Johor. Menyambung pelajaran diperingkat rendah pada tahun 2007 sehingga 2010 di Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 2 dan menamatkan pelajaran peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan LKTP Felda Ulu Tebrau. Beliau menyambung pelajaran di peringkat menengah di Smk Felda Ulu Tebrau sehingga tahun 2017 seterusnya melanjutkan pengajian tinggi di tahap Diploma Seni Halus di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Sejak peringkat sekolah lagi,beliau telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti seni seperti menghasilkan mural dikawasan sekolah .Di peringkat sekolah juga,beliau telah didedahkan dengan pelbagai pertandingan melukis yang dianjurkan oleh penganjur daerah dan juga kebangsaan. Beliau masih menghasilkan karya yang menggunakan bahan campuran dan eksperimentasi bahan. Antara karya yang telah dihasilkan melalui kajian bahan ialah teknik cetakan Ecoprint menggunakan emulsi semula jadi daripada tumbuhan.

1) PENDAHULUAN

Perkara yang harus semua ketahui iaitu, hati berfikir secara emosi, mengungkapkan perasaan yang tidak mungkin akan digambarkan secara logik. Sedangkan fikiran lebih cenderung secara rasional. Selain hati, fikiran pula bertindak secara logik dan lebih positif. Ramai mempertahankan ego, jika kita mengenali apakah itu nafsu pasti kita akan menyedari bahawa ego yang ada pada diri kita juga merupakan sebahagian daripada nafsu diri kita yang mesti kita atasi, mesti dididik dan mesti kita lawan. Ego menjadi penyebab akan terhalangnya sifat tawadhu' (rendah diri) manakala sifat tawadhu' merupakan di antara sebaik-baik sifat yang terpuji (Khaidzir Hj. Ismail, 2011) .Sifat ini memainkan peranannya dengan cara yang berbeza dan saling memberikan pengaruh (Nasrun, 2010).

“Fardu” merupakan satu pameran seni yang berbentuk kolaboratif antara empat pengkarya berdasarkan kajian yang berbeza. Karya akhir ini akan dijalankan bagi satu tujuan untuk mengkaji tentang dua sifat yang penting dalam hidup iaitu hati dan pikiran (ego dan nafsu). Gabungan kajian ini akan menghasilkan satu karya seni instalasi, sekaligus menyatakan media yang mampu berhubung dengan masyarakat secara emosi dan psikologi dengan lebih berkesan.

Selain itu, kajian yang dibuat adalah memfokuskan kepada teknik seni Instalasi serta pengaplikasiannya. Kepelbagaian teknik juga dikaji supaya karya yang dihasilkan dapat mempunyai gaya, kualiti yang paling berkesan dan menarik. Misalnya membuat persembahan dengan cara memasang hasil karya dengan cara berlainan biarpun dengan teknik penggantungan dan penyusunan serta mengaplikasikan teknik instalasi bunyi ataupun cahaya (Awang Had Salleh, 2002). Apa juga penghasilan sesuatu karya seni itu, pengolahan dari aspek elemen formalistiknya tetap ada.

Justeru itu, “Fardu” adalah satu proposisi diteruskan dengan cambahan idea yang bertitik tolak dengan kekreatifan seseorang pengkarya maka gabungan setiap elemen formalistik (warna, garisan, ruang, bentuk, jalinan, rupa) ini dapat melahirkan sebuah karya seni yang menarik malah memiliki maksud - maksud yang tersirat.

2) OBJEKTIF


- 1) Setiap ahli kolektif menghasilkan karya dalam konteks visual yang sama dengan menjadikan satu kajian dalam menjayakan projek Bakat Muda Sezaman 2023.
- 2) Mengolah kesesuaian bahasa visual, kaedah dan pendekatan berdasarkan kajian pengkarya dalam bentuk pameran kolaboratif.
- 3) Menghasilkan karya seni instalasi sebagai pemangkin kepada kesihatan psikologi melalui perkongsian karya.

3) TINJAUAN TEORI

Rujukan Teori yang digunakan dalam penghasilan karya akhir.


3.1 Kerangka teoritikal Mental-Kognitif dari Perspektif Islam.

Untuk mengukur akal dan fikiran berteraskan islam, konsep yang cuba digunakan adalah Mental-Kognitif Islam, dan istilah Mental-Kognitif Islam ini adalah bermakna cara berfikir berteraskan Islam. (Khaidzir Hj.Ismail & Khairil Anwar 2009) .






3.2 Teori Psikonalisis Sigmund Freud (Western)

Sigmund Freud mengemukakan bahawa kehidupan memiliki tiga tingkat kesedaran, iaitu sedar (conscious), prasedar (preconscious), dan bawah sedar (unconscious).





4) LAKARAN AWAL



BRAILLE ALPHABET

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M
N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
1	2	3	4	5	6	7	8	9	0	capital follows	decimal follows	number follows
.	,	?	!	:	;	-	/	<	>	(	)	space



Perancangan awal yang telah dilakukan adalah lakaran awal dimana melibatkan perbincangan idea dan kreativiti di kalangan ahli kolektif. Proses ini diolah sebagai komposisi susun atur mengikut kesesuaian ruang. Langkah ini juga adalah proses pemasangan dan pembinaan idea untuk keseluruhan ruang pameran.

5) DISKRIPSI KARYA

“**Fardu**” merupakan karya kolektif yang mempunyai kesinambungan antara empat pengkarya yang bersifat saling berkaitan antara satu sama lain sebagai satu sistem yang bersepadu yang menyeluruh. Dalam pengkaryaan ini kami memvisualisasikan tentang ilmu, adab, budaya, agama dan seni. Secara tidak langsung, ia berhubung kait tentang akidah yang di cerita dalam penceritaan oleh setiap pengkarya yang membawa perlambangan diri mereka tentang agama dan budaya tersendiri. Persembahan pengkaryaan ini adalah berbentuk seni instalasi (*Filled-Space*) yang menggabungkan pelbagai media seperti bunyi, audio, pencahayaan dan ruang. Ia bertujuan untuk berkongsi melalui pengalaman, pendengaran, dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat dan tauladan kepada audien secara psikologi.

6) DISKRIPSI PAMERAN

Ruang pameran yang dibawa merupakan kajian dan konsep yang melibatkan kesemua budaya dan agama yang terdapat di Malaysia, terutamanya agama Hinddu , Buddha, Kristian dan juga Islam. Dari perspektif budaya pula, ia melibatkan kajian berdasarkan budaya Melayu, Cina, India dan juga budaya di Sabah Sarawak. Pameran ini juga tidak melibatkan sensitiviti agama dan budaya terutamanya agama yang terdapat di Malaysia. Konsep yang dibawa juga adalah harmoni kepada semua lapisan masyarakat yang melibatkan permasalahan hati dan juga fikiran manusia. Pameran ini adalah sebahagian dari keperibadian pengkarya dan sebagai pemangkin kesihatan psikologi melalui perkongsian karya kepada audien.

6) CADANGAN LOKASI PAMERAN

Cadangan utama lokasi pameran adalah di The GoDown, Kuala Lumpur. Pemilihan ruang ini adalah kerana kawasan ini merupakan satu ruang ‘*Art centre*’ atau wadah untuk menampung aktiviti penciptaan karya seni. Secara tidak langsung, lokasi The GoDown sebagai wadah alternatif tampak melalui munculnya karya-karya seni awam yang dipertontonkan kepada masyarakat secara terbuka. Malah lokasi ini juga merupakan pusat pelancongan serta dikelilingi prasarana dan fasiliti kepada kumpulan sasaran dan orang awam.

7.2 Keterangan karya bagi setiap subjek

Tactile sebagai penunjuk arah laluan menelusuri ruang pameran dan melalui pintu kanan kerana ingin menggambarkan bermula dengan kanan lebih mulia daripada kiri. Perjalanan menggunakan konsep Tawaf sebagai pengaplikasian dalam pameran ini. Terapi berkonsepkan hukum pusingan tawaf telah dilaksanakan hasil daripada kajian berasaskan hukum pergerakan alam yang berputar arah lawan jam iaitu dari kanan ke kiri. Selain itu juga, ia berkait rapat dengan rukun islam yang terakhir iaitu menunaikan haji di Mekah.

Gambaran pertelingkahan amarah berbentuk figura menggambarkan sifat ego dan nafsu (Fikiran dan hati). Ia akan dipamerkan dalam bentuk gabungan bunyi, pencahayaan dan *wall sculpture*. Papan Braille dan bayangan tulisan yang terletak di antara figura menceritakan tentang penciptaan manusia. Ayat yang digunakan diambil daripada petikan Al-Quran. Perletakkannya di antara figura menggambarkan itu adalah hati manusia. Kewujudan bayangan membawa maksud wujudnya Tuhan dengan adanya cahaya (petunjuk) dalam diri manusia.

Buku membawa maksud BACALAH daripada surah Iqra. Selain itu, kedudukannya menggambarkan pintu gerbang kerana kunci kejayaan seseorang adalah dengan membaca/berguru. Kandungan di dalam buku itu adalah Adab Berilmu saranan dari Imam Al-Ghazali dalam Kitab Ihya Ulumuddin kerana kebenaran mesti diukur dari kacamata syariah bukannya pemikiran, emosi dan sebagainya. Rehal membawa maksud simbolik kepada asas untuk mengalas buku ketika menuntut ilmu dan ia berkait rapat dengan budaya Melayu Nusantara ketika dahulu. Padestal mempunyai ukuran saiz yang berbeza melambangkan ilmu itu dituntut mengikut fasa umur.

Bahagian tengah membawa maksud sujud iaitu merendahkan diri (sifat tawadhuk) kepada Tuhan, Raja, Pembesar sebagai tanda menghormati Sang Pencipta. Dimana semua agama dan budaya juga sujud untuk merendahkan diri di hadapan Tuhan. Begitu juga membawa maksud merendahkan ego dan nafsu dalam diri seseorang. Terdapat gambaran “AMPUN TUHANKU” di dalam karya sujud yang membawa maksud pengampunan. Ruang pameran menggunakan warna putih yang melambangkan kesucian manusia dan pemilihan bulatan dalam ruang pameran masih mengekalkan elemen formalistik dalam seni instalasi Fardu.

8) Artis Rujukan

8.1 Amron Omar



Amron Omar, Pertarungan, Cat Minyak atas kanvas, 1989

Kami merujuk karya ini dari aspek isi dan penceritaan. Karya beliau yang cukup terkenal adalah lukisan figuratif seni mempertahankan diri iaitu seni silat. Selain itu juga dapat menyedarkan kita mengenai nilai-nilai yang baik. Ia ibarat jihad di mana ianya merupakan suatu usaha untuk melawan diri dari sifat-sifat jahat atau kemalasan (pertarungan diri). Karya-karya beliau mempunyai nilai estetika yang tersendiri kerana ia bukan hanya untuk diteladani tetapi juga untuk difahami apa yang tersirat. Disamping nilai seni yang tinggi, silat juga dibentuk oleh unsur-unsur spiritual yang berakar pada sifat kepulauan dan ia dekat dihati orang Melayu.

8.2 Sulaiman Esa



Panapicon, kolaborasi Fairuz Sulaiman, pemasangan video, 274 x 731.5 x 731.5 cm, 2011.

Dalam pengkaryaan ini, kami mengambil inspirasi dari komposisi kedudukan dan susun atur. Seni intalasi yang dikenali sebagai suatu seni yang terhasil daripada penyusunan objek yang melibatkan penggunaan media atau medium yang tidak terhad bertujuan untuk mencipta suatu persekitaran yang mempunyai ruang yang menarik . Ruang yang terhasil itu dianggap sebagai sebahagian daripada karya hasil seni. Dalam

masa yang sama, cara penyusunan ini melibatkan *participatory* dan ia merupakan sebahagian daripada kajian dimana saya mengambil idea dalam susunan bentuk bulatan sebagai panduan dari rujukan.

8.3 Fuad Arif



“Pembukaan” Fuad Arif (2013), Pancaran Video dan Audio, 3 x2.5m.

Pemilihan karya diinstalasi pada sebuah ruang dan memancarkan cahaya dalam ruang instalasi dari gabungan empat pengkarya. Selain itu penggunaan konsep panggung wayang (cinema) diinspirasi menjadi satu kedudukan untuk menyerap tumpuan audien.

8.5 HARIS ABADI



Haris Abadi, Teletopia, Instalasi Media Baharu (Projection Mapping), 2021

Cukup jelas kepada kita bahawa seni, emosi dan perasaan adalah saling berkaitan dan ia adalah sebahagian daripada proses menjana idea. Idea yang dilontarkan oleh pelukis ketika berkarya dapat memberikan ruang tersendiri. Pemilihan karya ini sebagai rujukan untuk mengabungkan aspek elemen dan prinsip seni. Bentuk-bentuk ekspresi yang melambangkan emosi dalaman dalam sesuatu karya seni menjadi garis penghubung antara karya, pelukis dan penghayat.